



SIARAN AKHBAR

UNTUK SIARAN SEGERA

MONOGRAF

FOCUS IN CONTINUITY: A FRAMEWORK FOR MALAYSIA'S FOREIGN POLICY IN A POST-PANDEMIC WORLD

Menteri Luar Negeri, YB Dato' Sri Saifuddin bin Abdullah akan melancarkan sebuah monograf bertajuk ***Focus in Continuity: A Framework for Malaysia's Foreign Policy in a Post-Pandemic World*** pada 7 September 2022. Ia dilancarkan semasa penganjuran Persidangan Ketua-Ketua Perwakilan Diplomatik Malaysia ke-9, yang akan disertai secara fizikal dan maya oleh 107 Ketua-ketua Perwakilan dan pegawai-pegawai kanan Kementerian Luar Negeri.

Monograf yang diterbitkan oleh Institut Diplomasi dan Hubungan Luar (IDFR) ini, merangkumi enam tema yang terkandung dalam Kerangka Dasar Luar Negeri;

- 1) *Diplomasi Kesihatan;*
- 2) *Malaysia dan Ekonomi Global;*
- 3) *Ekonomi Digital;*
- 4) *Keselamatan Siber;*
- 5) *Diplomasi Kebudayaan; dan*
- 6) *Kerukunan hidup bersama dalam budaya damai*

Penerbitan ini merupakan sebahagian daripada usaha Wisma Putra dalam meningkatkan pengetahuan mengenai tema khusus dalam diplomasi. Monograf ini boleh diakses melalui pautan (https://www.idfr.gov.my/images/pdf_folder/monograph/Focus_in_Continuity_a_Monograph.pdf) atau salinan cetak monograf ini boleh didapati daripada Institut Diplomasi dan Hubungan Luar (IDFR).

**INSTITUT DIPLOMASI DAN HUBUNGAN LUAR (IDFR)
6 SEPTEMBER 2022**